

**USLŪB KHABARĪ OF THE TERMINOLOGY SHAKES (ZALZALAH)
REVEALED IN THE QURAN**

**USLŪB KHABARĪ BAGI TERMINOLOGI GEGARAN (ZALZALAH)
DALAM AL-QURAN**

Khairul Asyraf Mohd Nathir ⁱ, Rosni Samah ⁱⁱ, Mohd Adi Amzar Mohammad Nawawi ⁱⁱⁱ,
Muhamad Yazid Abdul Majid ^{iv}, Amani Nawi ^v & Bushro Bakri ^{vi}

- ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. khai.asyraf@usim.edu.my
ⁱⁱ Professor, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. rosni@usim.edu.my
ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. adiamzar@usim.edu.my
^{iv} Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. yazidmajid@usim.edu.my
^v Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. amani@usim.edu.my
^{vi} Calon PhD, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. bushrobakri@raudah.usim.edu.my

Received: 24 June 2024

Article Progress
Revised: 10 July 2024

Accepted: 22 August 2024

Abstract	<p><i>This study aims to discuss the uslūb khabarī of the terminology shakes revealed in the Quran. The objective of the study is to identify the elements and focus of uslūb khabarī for the context of shakes (zalzalah) in the Qur'an that carry the real meaning (haqīqī) or figurative meaning (majāzī). This study is a qualitative study that uses the Ma'ani approach by Lāsyin and Halliday's theory of Systemic Functional Linguistics as the basis of the study. Content analysis methods are used to examine the text both textually and contextually. The study material is a fragment of a verse from the Qur'an that contains the terminology shakes. The findings show that there are two contexts of meaning that involve the terminology shakes in the Qur'an, namely the shakes, which refer to the earthquake, and the vibration, which refers to the human heart. In total, there are four verses of zalzalah that use the uslūb khabarī approach, which carries the real meaning (haqīqī) and figurative meaning (majāzī). The real meaning (haqīqī) is referring to the earthquake that will occur on Judgement Day, and the figurative meaning (majāzī) in another verse refers to the vibrations of the stand in the hearts of believers.</i></p> <p><i>Keywords: Rhetoric; Uslūb Khabarī; Zalzalah; Shakes; Vibrations.</i></p>
Abstrak	<p><i>Kajian ini bertujuan untuk membincangkan tentang uslūb khabarī bagi terminologi gegaran (zalzalah) dalam al-Quran. Objektif kajian ialah untuk mengenal pasti elemen dan fokus uslūb khabarī bagi konteks gegaran (zalzalah) dalam al-Quran sama ada haqīqī atau majāzī. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan ma'ani oleh Lāsyin dan teori Halliday's Systemic Functional Linguistics sebagai asas kajian. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk meneliti teks secara tekstual dan kontekstual.</i></p>

	<p><i>Bahan kajian merupakan potongan ayat al-Qur'an yang terkandung padanya terminologi gegaran (zalzalah). Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat dua konteks makna yang melibatkan terminologi gegaran (zalzalah) dalam al-Quran iaitu gegaran yang merujuk kepada gempa bumi dan gegaran yang merujuk kepada getaran hati manusia. Secara keseluruhannya, terdapat empat ayat gegaran yang menggunakan pendekatan uslūb khabarī yang membawa makna haqīqī dan majāzī. Makna haqīqī merujuk kepada gegaran kepada bumi yang akan berlaku pada hari kiamat kelak dan makna majāzī pada ayat yang lain merujuk kepada getaran pendirian kepada hati orang-orang Mukmin.</i></p> <p><i>Kata Kunci: Balaghah; Uslūb Khabarī; Zalzalah; Gegaran; Getaran.</i></p>
--	---

PENDAHULUAN

Perbincangan *i'jāz* al-Quran tidak terlepas dari tiga asas utama iaitu penguasaan ilmu bahasa Arab pada manusia yang tidak menyeluruh. Kedua, kefahaman manusia pada keseluruhan makna berbentuk pengertian *haqīqī* atau *majāzī* adalah lemah. Ketiga, pengetahuan manusia yang tidak sempurna bagi memenuhi sistem-sistem bahasa yang ada (Roslan et.al, 2015). Status bahasa Arab telah dinobatkan sebagai bahasa yang mulia selaras dengan penurunan dan bahasa penyampai wahyu Ilahi. Bahasa Arab yang unik ini dipelajari dan didalami oleh para pentafsir yang terdiri daripada para sahabat, tabi'in dan seluruh umat Islam untuk memahami isi kandungan al-Quran (Wan Ahmad, 2017).

Perkara ini membawa kepada perbincangan *i'jāz* al-Quran secara khusus iaitu berkait dengan kelemahan manusia dalam mendatangkan sesuatu yang sama dengan apa yang terdapat dalam al-Quran. Oleh hal yang demikian, para sarjana meletakkan definisi *i'jāz* sebagai lemah terhadap sesuatu dan tidak mampu atau terdaya ke atasnya (Ibrahim, 2004), dalam menangani sesuatu yang luar dari batas pemikiran normal (Abdul Baqiy, 1992) menerusi pecahan utama iaitu *i'jāz bayānī*.

Menurut al-Najjār (2007) *i'jāz bayānī* merupakan perbincangan terperinci tentang susun atur al-Quran dan ketinggian balāghah padanya. Penggunaannya juga adalah yang paling utama berbanding *i'jāz* yang lain. Ini menjelaskan bahawa kedudukan *i'jāz bayānī* ini adalah yang paling besar dan banyak dibicarakan dalam al-Quran. Selain dari itu, *i'jāz bayānī* juga merupakan salah satu bentuk cabaran yang besar kepada golongan kafir Quraisy di saat al-Quran mula diturunkan. Ini adalah berkait rapat dengan ketinggian ilmu *balāghah* serta *fashāhah* dan *bayān* di kalangan mereka yang terkenal dengan kehebatan dan kemasyhuran dalam menukikan syair serta prosa yang indah (Mohamad et al, 2016).

Allah S.W.T memberi gambaran bahawa setiap lafaz atau perkataan yang wujud dalam al-Quran perlu melalui satu proses asas iaitu mengenali dan memahami. Pemahaman ini juga berkait rapat dengan kedudukan ilmu asas dalam tatabahasa Arab di samping kedudukan setiap ayat yang turut bersangkutan paut pada perbincangan *balāghah* melalui ilmu *ma'ani*, *bayān* dan *badī'* (Mhd Ramli et al, 2015). Firman Allah S.W.T:

﴿إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زِلْزَالَهَا﴾

Maksudnya: "Apabila bumi digegarkan dengan gegaran yang sedahsyat-dahsyatnya" (al-Quran. Al-Zalzalah: 1).

Lafaz-lafaz yang terbentuk dalam al-Quran pada dasarnya mengandungi *i'jāz bayānī* dan *'ilmī* yang tertentu. Misalnya, lafaz زلزل (gegaran) didatangkan dalam *al-fi'il al-Mabnī lil Majhūl* untuk merujuk kepada gegaran yang berlaku pada bumi, manakala Allah S.W.T sebagai *fāil* dibuang bagi menggambarkan keagongan-Nya. Manakala Lafaz زلزل (gegaran) kedua dalam ayat ini disandarkan dengan *'ha' idāfah* yang bertujuan untuk memberi ketakutan kepada manusia tentang fenomena kiamat. Justeru, lafaz pertama زُلْزِلَتْ dan yang kedua زِلْزَالَهَا merujuk kepada *jinas istiqāq* (pecahan kata). Maksud yang ingin diketengahkan

ialah “Apabila bumi bergoncang dengan dahsyat dari bawah permukaan bumi, maka semua yang berada di atasnya akan hancur” (Ibn Kathīr, 1988; al-Zuhaylī, 2014)

Secara ironinya, kajian terhadap *ijāz bayānī* dalam al-Quran merupakan satu penelitian yang mendalam terhadap sesuatu yang akan berlaku. Kajian ini memerlukan kepada usaha yang berterusan untuk menggali, menyingkap dan membongkarkan rahsia keindahan gaya bahasa al-Quran sekaligus menerapkan kecintaan kepada ayat-ayat Allah ini sehingga tiada masa atau had yang boleh mengengapikan keistimewaan bahasa al-Qur’an ini (Aziz, 1997).

Walaubagaimana pun, persoalan yang timbul dalam kajian ini; adakah *uslūb khabarī* yang melatari terminologi gegaran (*zalzalah*) merujuk kepada fenomena dan tujuan yang sama dalam al-Quran? Adakah semua terminologi gegaran (*zalzalah*) membawa makna *haqīqī* atau *majāzī*? dan adakah setiap ayat tersebut mempunyai makna yang tersirat? Justeru itu, dalam kajian ini pengkaji akan menerobos makna *uslūb khabarī* bagi terminologi gegaran (*zalzalah*) dalam al-Quran.

KAJIAN LITERATUR

Pendekatan *khabar* berfungsi sebagai menjelaskan sesuatu fakta, perkhawaran dan berita yang ditujukan khusus kepada pendengar atau pembaca (Rifa'in@Mohd Rifain et al, 2018). Pembahagian *khabar* sebagaimana yang dinyatakan oleh pendokong teori *ma'ani* iaitu 'Abd Fattah Lāsyin (2009) terbahagi kepada tiga: pertama, *khabar Ibtidā'ī* iaitu bentuk perkhawaran yang tidak menggunakan apa-apa huruf atau partikel penegasan. Kedua, *khabar Ṭalabī* iaitu bentuk penegasan yang menggunakan satu huruf atau partikel penegasan seperti (إِن، ل، ب،) dan lain-lain. Ketiga, *khabar inkārī* iaitu perkhawaran yang menggunakan dua dan lebih huruf atau partikel penegasan dalam satu ayat.

Bagi tujuan penggunaan khabar pula, fungsinya adalah berkait rapat dengan fokus fakta atau perkhawaran sesuatu ayat seperti memberi galakan, memberi peringatan dan sebagainya ('Abbas, 1997). Perbincangan tujuan *uslūb khabarī* pula adalah berfokus kepada setiap khabar yang ingin disampaikan kepada pendengar, antaranya seperti berikut:

1. *Izhār al-Da'fī* (إظهار الضعف): Bertujuan menunjukkan ketidakmampuan, seperti Firman Allah S.W.T:

﴿قَالَ رَبِّ إِنِّي وَهَنَ الْعَظْمُ مِنِّي وَاشْتَعَلَ الرَّأْسُ شَيْبًا وَلَمْ أَكُنْ بِدُعَائِكَ رَبِّ شَقِيًّا﴾

Maksudnya: “Dia (Zakaria) berkata, “Ya Tuhanku, sungguh tulangku telah lemah dan kepalaku telah dipenuhi uban, dan aku belum pernah kecewa dalam berdoa kepada-Mu, ya Tuhanku” (al-Quran. Maryam: 4)

2. *Istirhām/Isti'tāf* (استرحام / استعطاف): Bertujuan menunjukkan belas kasihan, seperti dalam Firman Allah S.W.T:

﴿فَسَقَىٰ لَهُمَا ثُمَّ تَوَلَّىٰ إِلَى الظِّلِّ فَقَالَ رَبِّ إِنِّي لِمَا أَنْزَلْتَ إِلَيَّ مِنْ خَيْرٍ فَقِيرٌ﴾

Maksudnya: “Maka dia (Musa) memberi minum (ternak) kedua perempuan itu, kemudian dia kembali ke tempat yang teduh lalu berdoa, “Ya Tuhanku, sesungguhnya aku sangat memerlukan sesuatu kebaikan (makanan) yang Engkau turunkan kepadaku.” (al-Quran. Qasas: 24)

3. *Izhār Al-Taḥassur/al-Taḥazzun* (إظهار التحسر أو التحزن): Bertujuan menunjukkan suatu kesedihan seperti seperti Firman Allah S.W.T:

﴿فَلَمَّا وَضَعَتْهَا قَالَتْ رَبِّ إِنِّي وَضَعْتُهَا أُنثَىٰ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا وَضَعْتَ وَلَيْسَ الذَّكَرُ كَالْأُنثَىٰ ۖ وَإِنِّي سَمِيْتُهَا مَرْيَمَ

وَإِنِّي أَعِيدُهَا بِكَ وَذُرِّيَّتَهَا مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

Maksudnya: “Maka ketika melahirkannya, dia berkata, “Ya Tuhanku, aku telah melahirkan anak perempuan.” Padahal Allah lebih tahu apa yang dia lahirkan, dan laki-

laki tidak sama dengan perempuan” Dan aku memberinya nama Maryam, dan aku mohon perlindungan-Mu untuknya dan anak cucunya dari (gangguan) setan yang terkutuk.” (al-Quran. Āli-‘Imrān: 36)

4. Al-Wa‘zu (الوعظ): Bertujuan memberi peringatan sebagaimana firman Allah S.W.T:

﴿كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ ۗ وَإِنَّمَا تُوَفَّقُونَ أُجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۗ فَمَنْ زُحْزِحَ عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ ۗ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْعُورِ ۗ﴾

Maksudnya: “Tiaptiap yang bernyawa akan merasai mati dan bahawasanya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga maka sesungguhnya ia telah berjaya Dan ingatlah bahawa kehidupan di dunia ini meliputi segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya” (al-Quran. Āli-‘Imrān: 185)

Pembahagian tujuan khabar ini melibatkan dua aspek iaitu فائدة الخبر (faedah berita) yang menjelaskan pemakluman berita kepada pendengar tentang sesuatu yang belum diketahui, manakala tujuan kedua iaitu لازم الفائدة (maklumat tersedia) adalah merujuk kepada pemakluman kepada pendengar kepada sesuatu berita yang telah sedia diketahui (Abdul Aziz ‘Atiq,2009; ‘Abdul Wahid et al, 2016) seperti contoh berikut:

Allah S.W.T berfirman:

﴿يَوْمَ تُبَدَّلُ الْأَرْضُ غَيْرَ الْأَرْضِ وَالسَّمَوَاتُ ۗ وَبَرَزُوا لِلَّهِ الْوَاحِدِ الْقَهَّارِ﴾

Maksudnya: “(Iaitu) pada hari (ketika) bumi diganti dengan bumi yang lain dan (demikian pula) langit, dan mereka semuanya (di padang Mahsyar) berkumpul menghadap kepada Allah yang Maha Esa lagi Maha Perkasa. (al-Quran. Ibrahim: 48)

Dalam ayat ini, Allah mendatangkan satu bentuk perkhawaran tentang fenomena kiamat yang akan berlaku menerusi kefahaman ayat yang menjelaskan kedudukan bumi yang akan digantikan dengan bumi yang lain. Dalam hal ini, al-Zuhaylī (2014) menegaskan penggunaan perkataan وَبَرَزُوا iaitu *fi’il māḍī* dalam konteks *muḍāri’* bertujuan untuk menjelaskan satu bentuk fenomena yang benar-benar akan terjadi iaitu mereka keluar dari kubur. Kemudian manusia dikumpulkan di sebuah hamparan bumi yang putih bersih. Sebagaimana sabda Nabi S.A.W dalam sahih Bukhari dan Muslim.

Diriwayatkan dari Sahl bin Sa’ad r.a, dia berkata, baginda Nabi S.A.W bersabda:

{يُخَشِّرُ النَّاسَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَىٰ أَرْضٍ بَيْضَاءَ عَفْرَاءَ كَقُرْصَةِ النَّفِيِّ لَيْسَ فِيهَا عِلْمٌ لِأَحَدٍ}

Maksudnya: “Pada hari kiamat, umat manusia diiring dan dikumpulkan di sebuah hamparan bumi yang putih kemerahan seperti roti an-Naqiy (dari tepung gandum yang baik), tiada ada satu tanda pun di sana.” (Hadith. Muslim. 2790)

Justeru, tujuan khabar dalam ayat ini adalah merujuk kepada فائدة الخبر (faedah berita) tentang perkhawaran satu peristiwa yang belum lagi berlaku iaitu pertukaran dari bumi yang sedia ada pada hari ini kepada bumi yang lain dan berbeza keadaan dan persekitarannya selepas manusia dibangkitkan dari alam kubur.

Secara terperinci dan mendalam, tujuan khabar ini dapat diperincikan seperti berikut:

1. Tujuan khabar adalah merujuk kepada faedah berita dan maklumat tersedia.
2. Penggunaan tujuan khabar dalam fenomena kiamat adalah merujuk kepada faedah berita iaitu perkhawaran situasi kepada pendengar tentang sesuatu yang belum berlaku.

3. Berdasarkan ayat fenomena kiamat, penggunaan *fi'il māḍī* dalam konteks *muḍāri'* adalah bertepatan.

Khabar Ibtidā'i

Perbincangan khabar akan memperlihatkan (أضرب الخبر) jenis-jenis berita (berdasarkan situasi pendengar). Dalam beberapa keadaan, berita yang disampaikan tersebut akan diterima secara langsung, atau terdapat keraguan dalam perkhayaban atau merujuk kepada penolakan secara langsung ('Abdul Wahid et al, 2016).

Khabar Ibtidā'i merupakan penerimaan sesuatu berita tanpa keraguan disebabkan beberapa faktor antaranya maklumat tersebut adalah baru, maklumat yang boleh diterima logik dan maklumat yang masuk akal ('Abbas, 1997). Para pendengar akan menerima maklumat ini tanpa perlu meragui dan berhujjah dengannya (Laysin, 2009)

Berdasarkan sesuatu fenomena dalam al-Qur'an, Allah S.W.T mendatangkan banyak unsur *khabar Ibtidā'i* yang memberi gambaran bahawa setiap perkhayaban yang lengkap dan maklumat yang terdapat padanya tiada unsur keraguan seperti contoh berikut:

Allah S.W.T berfirman:

﴿يَوْمَ تَرْجُفُ الرَّاجِفَةُ﴾

Maksudnya: "Pada masa berlakunya tiupan sangkakala yang pertama yang menggoncangkan alam, (sehingga mati segala yang bernyawa dan punah-ranah sekalian makhluk selain dari yang dikecualikan)." (al-Quran. al-Nāzi'at: 6)

Ayat ini menjelaskan gambaran fenomena kiamat menerusi gegaran dan pergerakan yang kuat melanda bumi dan gunung sehingga memusnahkan semua kehidupan (al-Zuhaylī, 2014). Penggunaan lafaz *تَرْجُفُ* dan *الرَّاجِفَةُ* iaitu merujuk kepada gegaran dan pergerakan dalam bentuk jinis *istiḳāq* memberi gambaran satu fenomena besar akan berlaku.

Ada pandangan menyatakan, *الرَّاجِفَةُ* adalah merujuk kepada tiupan sangkakala pertama yang memusnahkan dengan merujuk kepada maksud lafaz iaitu cemas, takut dan keadaan gelisah yang kuat dalam diri manusia (Ibn Āshūr, 1984). Pada ayat lain, Allah S.W.T berfirman:

﴿يَوْمَ تَرْجُفُ الْأَرْضُ وَالْجِبَالُ وَكَانَتِ الْجِبَالُ كَثِيبًا مَّهِيلًا﴾

Maksudnya: "Pada hari bumi dan gunung-gunung bergoncangan, dan menjadilah gunung-gunung itu tumpukan-tumpukan pasir yang berterbangan." (al-Quran. al-Muzzammil: 14)

Ayat di atas merujuk kepada kemusnahan bumi dan gunung disebabkan oleh gegaran yang kuat berlaku. Al-Zuhaylī (2014) menjelaskan, gambaran ini merujuk kepada azab yang besar diturunkan oleh Allah S.W.T kepada orang kafir iaitu gunung dan bumi bergegar sehingga memusnahkan sturukturnya. Kesannya, keseluruhan gunung dan bumi menjadi pasir halus yang berterbangan dan mengalir umpama air sehingga manusia dan haiwan hanyut di dalamnya.

Berdasarkan konteks kedua-dua ayat ini, tujuan utama perkhayaban ini merujuk kepada proses memaklumkan kepada pendengar tentang situasi yang belum diketahui keadaannya, manakala tujuan *balāghī* ayat *khabar* adalah merujuk kepada *الوعظ* (ragam memberi peringatan) kepada manusia tentang situasi dahsyat fenomena kiamat yang melibatkan gegaran.

Oleh yang demikian, ayat fenomena kiamat ini telah didatangkan dalam bentuk yang jelas dan tiada keraguan yang digambarkan. Justeru itu, fenomena kiamat yang melibatkan penggunaan lafaz al-Rajfah ini menuntun pendengar untuk memahami tentang situasi kemusnahan yang akan muncul apabila saat kiamat tiba.

Secara terperinci, penggunaan *khavar ibtidā'i* ini dapat diperincikan seperti berikut:

1. Tujuan khavar merujuk kepada faedah berita tentang fenomena kiamat.
2. Penggunaan *khavar ibtidā'i* dalam fenomena kiamat ini merujuk kepada sesuatu berita yang telah jelas dan tiada kesamaran padanya.
3. Berdasarkan ayat fenomena kiamat, situasi gegaran dan pergerakan pada bumi dan gunung menyebabkan kehancuran.
4. Situasi kemusnahan ini menyebabkan keseluruhan kehidupan akan mati sehingga digambarkan bumi dan gunung menjadi pasir beterbangan serta mengalir seperti air.

Khavar Ṭalabī

Laysīn (2009) mendefinisikan *khavar ṭalabī* sebagai *khavar* yang menjelaskan sesuatu berita yang mempunyai keraguan kepada pendengar seolah-olah terdapat sesuatu persoalan yang bermain di fikiran pendengar. 'Abdul Wahid et. al (2016) menambah, bagi membuang dan mengikis keraguan tersebut, perkhawaran dalam sesuatu ayat perlu dimasukkan partikel penegasan seperti *و قسم* *ل*, *و قسم* *ل*, *و قسم* *ل* dan sebagainya yang akan berfungsi memperkukuhkan kembali perkhawaran tersebut kepada pendengar ('Abbas, 1997).

Berdasarkan sesuatu fenomena dalam al-Qur'an, Allah S.W.T mendatangkan banyak unsur *khavar ṭalabī* bagi memperkukuhkan dan menghilangkan keraguan kepada manusia, khususnya orang kafir tentang sesuatu fenomena dalam al-Quran seperti contoh berikut:

Allah S.W.T berfirman:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ إِنَّ زَلْزَلَةَ السَّاعَةِ شَيْءٌ عَظِيمٌ﴾

Maksudnya: "Wahai semua manusia, bertaqwalah kamu semua kepada Tuhan kamu, sesungguhnya, gegaran hari kiamat itu suatu yang besar" (al-Quran. al-Hajj: 1)

Berdasarkan ayat di atas, terdapat penggunaan partikel *إِنَّ* sebagai penguat maksud lafaz *zalzalata*. Penggunaan lafaz *zalzalata* melalui partikel *inna* dalam ayat tersebut jelas berfungsi memperkukuhkan fenomena kiamat. Al-Zuhaylī (2014) menjelaskan bentuk ayat (*إِنَّ زَلْزَلَةَ السَّاعَةِ*) ini adalah *isnaad majāzī* tentang situasi gegaran yang akan berlaku, namun terdapat pandangan yang dinukilkan oleh beliau menjelaskan bahawa gegaran tersebut adalah sebenar-benar kejadian yang berlaku, kemudian disusuli dengan terbitnya matahari di sebelah barat.

Penggunaan *khavar ṭalabī* ini merupakan satu bentuk penegasan yang merujuk kepada perintah untuk bertaqwa kepada Allah S.W.T kerana penyelamat kepada peristiwa gegaran kiamat itu adalah ketaqwaan. Hal ini merujuk kepada tujuan *balāghī* ayat *khavar* iaitu dalam bentuk *الوعظ* (ragam memberi peringatan) kepada manusia tentang situasi ketakutan dan kengerian fenomena kiamat yang melibatkan gegaran kelak.

Dalam ayat lain berkaitan fenomena kiamat melibatkan gegaran, Allah S.W.T berfirman:

﴿إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زِلْزَالَهَا﴾

Maksudnya: "Apabila bumi digoncangkan dengan goncangan (yang dahsyat)." (al-Quran. al-Zalzalah: 1)

Ayat ini menjelaskan gambaran keseluruhan surah tentang fenomena kiamat menerusi gegaran dan gempa yang kuat melanda bumi sehingga manusia yang telah mati akan tersembur keluar (al-Zuhaylī, 2014). Penggunaan lafaz *زُلْزِلَتِ* dan *زِلْزَالَهَا* iaitu merujuk kepada gegaran dalam bentuk jinas *istiqāq* memberi gambaran satu fenomena besar akan berlaku. Penggunaan *زِلْزَالَهَا* *idāfah* menerusi *damīr* *ها* (*ha*) bertujuan untuk menggambarkan ketakutan dan kengerian fenomena gegaran tersebut.

Berdasarkan konteks ayat ini, Allah S.W.T mengingatkan manusia tentang situasi gegaran hari kiamat adalah berbeza dengan situasi gegaran yang berlaku pada hari ini.

Berdasarkan konteks ayat ini, tujuan utama perkhawaran ini adalah merujuk kepada proses memaklumkan kepada pendengar tentang situasi yang belum diketahui keadaannya, manakala tujuan *balāghī* ayat *khavar* adalah merujuk kepada الوعظ (ragam memberi peringatan) kepada manusia tentang situasi dahsyat fenomena kiamat yang melibatkan gegaran.

Secara terperinci, penggunaan *khavar ṭalabī* ini dapat diperincikan seperti berikut:

1. Tujuan *khavar* merujuk kepada faedah berita tentang fenomena kiamat.
2. Penggunaan *khavar ṭalabī* dalam fenomena kiamat ini merujuk kepada sesuatu berita yang terdapat kesamaran yang memerlukan kepada partikel penegasan.
3. Partikel penegasan *in* berfungsi mengikis dan menghilangkan keraguan yang timbul tentang fenomena kiamat.
4. Situasi ini merupakan kejadian yang akan berlaku dengan kemusnahan yang besar dan merupakan fenomena kiamat yang akan muncul kelak.

Khavar Inkārī

Laysīn (2009) mendefinisikan *khavar inkārī* sebagai *khavar* yang menjelaskan sesuatu berita yang mempunyai tahap keingkaran iaitu apabila perkhawaran itu ditolak sepenuhnya oleh pendengar. 'Abdul Wahid et. al (2016) menambah, bagi membuang dan mengikis keingkaran tersebut, perkhawaran dalam sesuatu ayat perlu dimasukkan dua atau lebih partikel penegasan seperti *in*, *lam*, *wa* dan sebagainya.

Berdasarkan sesuatu fenomena dalam al-Qur'an, Allah S.W.T mendatangkan banyak unsur *khavar ṭalabī* bagi memperkukuhkan dan menghilangkan keraguan kepada manusia, khususnya orang kafir tentang sesuatu fenomena dalam al-Quran seperti contoh berikut:

Allah S.W.T berfirman:

﴿قَالُوا رَبُّنَا يَعْلَمُ إِنَّا إِلَيْكُمْ لَمُرْسَلُونَ﴾

Maksudnya: "Rasul-rasul berkata: Tuhan Kami mengetahui bahawa sesungguhnya Kami adalah Rasul-rasul yang diutus kepada kamu," (al-Quran. Yassin: 16)

Berdasarkan ayat di atas, terdapat penggunaan partikel *in* dan *lam* sebagai penguat maksud lafaz *mursalun*. Penggunaan lafaz *mursalun* melalui partikel *inna* dan *lam* dalam ayat tersebut jelas berfungsi memperkukuhkan bahawa rasul-rasul yang memberi petunjuk ke jalan yang benar itu ialah utusan Allah S.W.T dan Allah Maha Mengetahui.

Penggunaan *khavar Inkārī* ini merupakan satu bentuk penegasan yang merujuk kepada perintah untuk berdakwah dan menghilangkan keraguan kepada orang kafir tentang rasul utusan Allah S.W.T. Hal ini merujuk kepada tujuan *balāghī* ayat *khavar* iaitu dalam bentuk التذكير بين المراتب (ragam memberi peringatan di antara peringkat) kepada orang kafir tentang tugas menyampaikan kebenaran kepada mereka oleh rasul-rasul utusan Allah.

Secara terperinci, penggunaan *khavar inkārī* ini dapat diperincikan seperti berikut:

1. Tujuan *khavar* merujuk kepada faedah berita tentang dakwah para rasul utusan Allah.
2. Penggunaan *khavar inkārī* dalam fenomena ini merujuk kepada sesuatu berita yang terdapat pengingkaran yang memerlukan kepada partikel penegasan.
3. Partikel penegasan *in* dan *lam* berfungsi membuang dan mengikis keingkaran yang timbul tentang fenomena tersebut.

Justeru itu, setiap ayat yang dilatari oleh *uslub khavarī* perlu dilihat dari pelbagai sudut utama iaitu tujuan *khavar* dan faedah *khavar*, *haqiqī* atau *majāzī* yang akan menjelaskan sesuatu ayat atau fenomena tersebut mempunyai makna yang tersirat atau tidak.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan satu kajian menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan analisis kandungan teks. Pemilihan kaedah ini bertujuan untuk mengenalpasti, menganalisis dan menghuraikan elemen *i'jāz bayānī* dan *'ilmī* berkaitan fenomena kiamat dalam al-Quran. Kaedah ini secara teorinya akan memberi gambaran yang lebih tepat dan pemahaman yang mendalam berkaitan sesuatu yang belum diketahui atau telah sedia ada diketahui (Noriah et. al, 2013; Othman, 2014).

Bahan kajian merupakan potongan ayat al-Quran yang terkandung padanya terminologi gegaran (*zalzalah*). Untuk memperolehi data kajian, sumber rujukan primer dan sekunder berkaitan terminologi gegaran (*zalzalah*) dirujuk berpandukan objektif kajian. Berdasarkan carian dan penelitian terhadap kitab antaranya *masyāhid al-Qiyamah fi al-Qur'an* oleh Sayyid Qutb, *al-Tazkīrah bi ahwal al-Maut wa al-Umūr al-Akhirah* oleh Imam al-Qurtubi, *masyāhid al-Qiyāmah* oleh 'Abd Rahman al-Turkiy, dan *waṣafa yaum qiyāmah fi al-Qur'an* oleh Muhammad Asraf Hijaz. Rujukan kajian lepas juga disoroti bagi melihat taburan terminologi yang menjelaskan fenomena kiamat dalam al-Quran antaranya *al-Alfaz al-Qiyamah* oleh al-Alusiy, *al-Alfaz Yaum al-Qiyāmah al-Waridah fi al-Qur'an* oleh Abdul Karim Nasir al-Khajrājiy, *hiwar masyāhid al-Qiyamah fi al-Qur'an* oleh Hala Said dan *wasafa hal al-A'rd yaum al-Qiyāmah kamā jā' fi al-Quran* oleh Luluwat. Hasil penelitian ini, terminologi gegaran (*zalzalah*) berada pada empat surah seperti berikut:

Surah	Ayat	Lafaz
al-Baqarah 2:214	مَسَّتْهُمُ الْبَأْسَاءُ وَالصَّرَاءُ وَزُلُّوا حَتَّى يَقُولَ الرَّسُولُ	Zulzilu - dalam bentuk <i>fi'il māḍī mabnī lil majhūl</i>
al-Hajj 22:1	إِنَّ زَلْزَلَةَ السَّاعَةِ شَيْءٌ عَظِيمٌ	Zalzalata - dalam bentuk <i>maṣḍar</i>
al-Ahzāb 33:11	هَذَا لِكِ ابْتِئَانِ الْمُؤْمِنُونَ وَزُلُّوا زَلْزَالًا شَدِيدًا	Zulzilu - dalam bentuk <i>fi'il māḍī mabnī lil majhūl</i> Zilzalan - dalam bentuk <i>maṣḍar</i>
al-Zalzalah 99:1	إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زِلْزَالَهَا	Zulzila - dalam bentuk <i>fi'il māḍī mabnī lil majhūl</i> Zilzala - dalam bentuk <i>maṣḍar</i>


Jadual 1: terminologi gegaran (*zalzalah*)

Jadual di atas menunjukkan enam bentuk terminologi gegaran (*zalzalah*) yang terdapat pada empat surah berbeza iaitu dengan dua lafaz masing-masing berada pada surah *al-Ahzāb* dan *al-Zalzalah*. Kesemua lafaz tersebut didatangkan dalam dua bentuk iaitu *fi'il māḍī mabnī lil majhūl* (*zulzilu, zulzila*) dan *maṣḍar* (*zalzalata, zilzalan dan zilzala*). Dari sudut makna, terminologi ini bermaksud gegaran atau goncangan yang bersifat umum. Namun, terminologi gegaran (*zalzalah*) ini akan menjelaskan satu bentuk makna yang baru apabila disandarkan kepada perkataan lain seperti (زلزل الشخص) hati manusia bergetar atau takut, (زلزل الشيء) gegaran sesuatu, (زلزلة الأرض) gempa bumi, (زلزلة الساعة) gegaran hari kiamat (Ibn Fāris, 1969; Ibn Manzūr, 1994; Umar, 2008)

Dalam konteks kajian ini, teori yang dikemukakan oleh Lāsyin ini membawa satu dimensi keindahan dan ketinggian nilai *balāghah* dalam sesuatu ayat al-Quran. Beliau mengemukakan pandangan berkaitan *nazm* al-Quran yang berasaskan kepada pemilihan perkataan yang sesuai dan susunannya yang sempurna melauai suatu kaedah yang tinggi selaras dengan konsep dan susun atur tatabahasa Arab.

Ikbāl (2015) menjelaskan, penggunaan teori ini sesuai dengan kajian yang melibatkan kemukjizatan al-Quran khususnya pengkajian yang menggunakan ilmu *ma'ani* sebagai pokok utama perbincangan. Selain daripada itu, aspek *nazm* al-Quran yang digunapakai adalah sesuai dengan data kajian yang meletakkan ayat *zalzalah* sebagai satu

bentuk perbincangan dalam *ma'ani* bagi menerobos fenomena di sebalik ayat tersebut. Kaedah tersebut adalah seperti ilustrasi berikut:




Rajah 1: Teori ilmu *ma'ani* oleh Lasyin

Seterusnya, dalam memahami konteks situasi ini, para sarjana silam menggunakan istilah maqam yang menjelaskan tentang konteks situasi sebagaimana yang dinyatakan oleh para sarjana linguistik barat seperti Firth dan Halliday (Balhāf, 2012). Kedua-dua istilah ini mempunyai konsep dan tujuan yang sama iaitu menganalisis makna. Berdasarkan penafsiran yang dikemukakan oleh Firth, beliau telah membahagikan konteks situasi ini kepada beberapa elemen utama (Mohamad, 2016) iaitu:

1. Mereka yang terlibat dalam situasi tersebut (penutur, pendengar dan saksi)
2. Faktor yang berkait dengan situasi (masa, tempat, keadaan masyarakat, ekonomi)
3. Kesan yang terhasil daripada situasi (bahagia, sedih, gembira atau duka)

Al-Murashi (2016) menjelaskan, Halliday telah memperkenalkan satu kerangka teori yang lebih khusus berkaitan konteks situasi ini iaitu Halliday's Systemic Functional Linguistics (SFL) meletakkan tiga elemen utama yang melatari model konteks situasi ini iaitu:

1. Field (Bidang): Menjelaskan tentang sesuatu topik atau perkara yang menjadi perbincangan.
2. Tenor (Penglibatan): Menjelaskan tentang siapa dan apa hubungan antara mereka dalam konteks situasi perbincangan.
3. Mode (Kegunaan bahasa): Menjelaskan tentang gaya penggunaan bahasa dalam konteks situasi perbincangan.



Rajah 2: Peringkat Konteks situasi oleh Halliday

Berdasarkan rajah 3.2, beberapa elemen didapati terlibat dalam konteks situasi. Elemen tersebut adalah:

- a : Makna perkataan
- b : Makna nahu
- c : Hasil yang diperolehi
- f : Bidang
- j : Penutur
- k : Pendengar
- l : Peserta
- m : Gaya bahasa
- t : Penglibatan

Pendekatan menerusi dua teori ini penting bagi memastikan setiap ayat zلززاله yang dikaji dapat difahami secara mendalam seterusnya menjawab objektif kajian yang dibentuk.

DAPATAN KAJIAN

Terminologi Gegaran; Contoh 1


Allah S.W.T berfirman:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ إِنَّ زَلْزَلَةَ السَّاعَةِ شَيْءٌ عَظِيمٌ﴾

Maksudnya: “Wahai umat manusia, bertakwalah kepada Tuhan kamu! Sesungguhnya gempa hari kiamat itu suatu perkara yang amat besar.” (al-Quran. al-Hajj: 1)

Merujuk kepada pemahaman ayat ini, terdapat kolerasi hubungan antara ayat pertama surah al-Hajj dengan penutup surah sebelumnya iaitu al-Anbiyaa’ pada ayat 97. Berdasarkan kolerasi tersebut, Allah S.W.T menjelaskan bahawa mata orang kafir akan terbelalak disebabkan melihat saat kiamat tiba. Kemudian disusuli dengan ayat pertama dan kedua surah al-Hajj yang menjelaskan dengan lebih terperinci keadaan dan situasi saat tibanya hari kiamat. (al-Zuhayli, 2014).

Penjelasan ayat di atas adalah merujuk kepada konteks situasi yang ditunjukkan seperti dalam rajah berikut:



Rajah 3: Peringkat konteks situasi ayat “Sesungguhnya, gempa hari kiamat itu sesuatu yang besar”

Rajah 3 menunjukkan peringkat konteks situasi ayat “Sesungguhnya, gegaran hari kiamat itu sesuatu yang besar” dengan penggunaan lafaz *zalzalah* dan *al-Sā’ah* bagi menggambarkan satu fenomena ngeri pada saat tibanya hari kiamat. Dari konteks bidang kajian, kedua-dua lafaz *zalzalah* dan *al-Sā’ah* merupakan nama kiamat yang mempunyai maksud yang khusus iaitu berkaitan gempa bumi hari kiamat dan masa berlaku hari kiamat. Dalam hal ini, penglibatan ayat ini menjurus kepada arahan dan amaran Allah S.W.T (j) kepada semua manusia (k) bahawa gegaran atau gempa bumi hari kiamat itu sesuatu yang sangat besar dan mereka yang hidup ketika itu (l) akan merasai situasi tersebut. Dari sudut gaya bahasa pula, terdapat pendekatan *ma’ani* dalam bentuk khabar *ṭalabī* dengan partikel penegasan *inna* bagi memperkukuhkan maksud situasi gegaran tersebut, manakala pendekatan *insya’ ṭalabī* dengan dua elemen iaitu *nida’* (يَأَيُّهَا) dan *‘amr* (اتَّقُوا) berfungsi menjelaskan arahan Allah S.W.T kepada semua manusia tentang peristiwa yang belum lagi berlaku iaitu hari kiamat.

Dari sudut makna nahu, lafaz *al-Zalzalah* didatangkan dalam bentuk *maṣdar* dari *fā’il muta’addī* kata kerja empat huruf yang membawa maksud gegaran, getaran atau gempa bumi. Dari struktur ayat pula, lafaz *zalzalah* merupakan isim kepada huruf *taukid inna*, manakala lafaz *al-Sā’ah* pula adalah *muḍāf ilaihi*. Dari konteks nahu, penggunaan partikel *inna* pada permulaan lafaz *zalzalah* adalah berfungsi memperkukuhkan *jumlah ismiyyah* dan menjadikan kenyataan sesuatu ayat itu lebih kukuh berbanding jumlah yang tidak dimasukkan partikel *inna wa akhawātuhā*. Justeru, dengan penggunaan partikel tersebut, maksud gegaran pada hari kiamat itu adalah benar dan tidak boleh dinafikan lagi.

Hasil daripada penelitian ayat ini menjelaskan bahawa, fenomena gegaran atau gempa bumi hari kiamat ini merupakan satu bentuk peristiwa yang tidak dapat digambarkan oleh manusia. Walaupun terdapat fenomena gempa bumi yang berlaku pada ketika ini, namun, peristiwa itu ialah peratusan yang sangat kecil jika dibandingkan dengan gegaran yang akan berlaku pada hari kiamat kelak. Justeru itu, setiap gempa bumi yang berlaku pada saat ini, tidak boleh dirumuskan sebagai gempa bumi akhir yang akan berlaku pada hari kiamat. Walau bagaimanapun, gempa yang berlaku ini merupakan salah satu tanda daripada tanda-tanda kecil kiamat yang akan terus berlaku sehingga tiba masa yang sebenar.

Terminologi Gegaran; Contoh 2


Allah S.W.T berfirman:

﴿إِذَا زُلْزِلَتِ الْأَرْضُ زِلْزَالَهَا﴾

Maksudnya: “Apabila bumi digegarkan dengan gegaran yang sedahsyat-dahsyatnya,” (al-Quran. al-Zalzalah: 1)

Merujuk kepada pemahaman ayat ini, terdapat kolerasi hubungan antara ayat pertama surah *al-Zalzalah* dan ayat akhir surah *al-Bayyinah*. Ayat akhir surah sebelumnya itu membicarakan tentang ancaman kepada orang kafir dan janji syurga kepada orang beriman. Ancaman tersebut berbentuk gegaran yang kuat sebagai tanda bahawa hari kiamat itu wujud. Asbab penurunan surah ini pula bertujuan menjawab pertanyaan orang kafir berkaitan masa dan saat tibanya hari kiamat. Maka, Allah menjawab pertanyaan tersebut melalui ayat ini sebagai tanda kiamat akan tiba dan gegaran merupakan salah satu daripada kemusnahan yang berlaku pada hari kiamat (al-Zuhaylī, 2014).

Penjelasan ayat di atas merujuk kepada konteks situasi yang ditunjukkan seperti dalam rajah berikut:



Rajah 4: Peringkat konteks situasi ayat “Apabila bumi digegarkan dengan gegaran yang sedahsyat-dahsyatnya”

Rajah 4 menunjukkan peringkat konteks situasi ayat “Apabila bumi digegarkan dengan gegaran yang sedahsyat-dahsyatnya” dengan penggunaan lafaz *zalzalah* sebagai gambaran bahawa saat tersebut akan datang dengan kemusnahan yang sangat besar. Dari konteks bidang kajian, lafaz *zalzalah* merupakan salah satu nama khusus bagi kiamat yang membawa maksud gegaran atau gempa bumi hari kiamat. Dalam hal ini, penglibatan ayat ini menjurus kepada jawapan Allah S.W.T (j) kepada Nabi Muhammad S.A.W (k) apabila orang kafir (l) bertanya soalan berkaitan situasi hari kiamat. Al-Zuhaylī (2014) menjelaskan, keutamaan Allah S.W.T menjelaskan kepada orang kafir tentang tanda dan saat tibanya hari kiamat ialah sebagai peringatan bahawa hari kiamat akan tiba pada masa dan saat yang hanya Allah S.W.T mengetahuinya.

Dari sudut gaya bahasa pula, terdapat pendekatan *ma’ānī* dalam bentuk *khabar ibtidā’ī* yang berfungsi menjelaskan ayat tanpa keraguan dengan menfokuskan tujuan *khabar* kepada bentuk peringatan khusus kepada orang-orang kafir. Penggunaan *fi’il māḍī mabnī lil majhūl* pula bersesuaian dengan kefahaman hari kiamat yang berfungsi menyembunyikan *fi’il* untuk memperkukuhkan maksud situasi, kondisi dan masa tibanya kiamat tiada diketahui oleh umum kecuali Allah S.W.T

Dari sudut makna nahu, lafaz *zalzalah* yang melatari ayat ini didahului dengan partikel *idhā* yang berfungsi sebagai *zarf mustaqbal* yang membawa *isim syart* kepada *jawab syart* pada ayat keempat dalam surah ini. Lafaz *zalzalah* didatangkan dalam bentuk *fi’il mabni lil majhūl* yang merujuk kepada satu bentuk gegaran bumi yang tidak dapat dipastikan kondisi dan situasinya. Pada penghujung ayat ini, dimasukkan sekali lagi lafaz *zalzalah* dalam bentuk *maf’ūl muṭlaq* yang berfungsi memperkukuhkan maksud gegaran bumi dengan gegaran hebat yang tidak pernah berlaku pada sela masa sebelum dan sekarang.

Terminologi Gegaran; Contoh 3


Allah S.W.T berfirman:

﴿أَمْ حَسِبْتُمْ أَنْ تُدْخَلُوا الْجَنَّةَ وَلَمَّا يَأْتِكُمْ مَثَلُ الَّذِينَ خَلَوْا مِنْ قَبْلِكُمْ مَسَّتْهُمُ الْبَأْسَاءُ وَالصَّرَاءُ وَزُلْزَلُوا حَتَّى يَقُولَ الرَّسُولُ وَالَّذِينَ آمَنُوا مَعَهُ مَتَى نَصُرَ اللَّهُ ۗ أَلَا إِنَّ نَصْرَ اللَّهِ قَرِيبٌ﴾

Maksudnya: “Adakah patut kamu menyangka bahawa kamu akan masuk syurga, padahal belum sampai kepada kamu (ujian dan cubaan) seperti yang telah berlaku kepada orang-orang yang terdahulu daripada kamu? Mereka telah ditimpa kepapaan (kemusnahan hartabenda) dan serangan penyakit, serta digoncangkan (oleh ancaman bahaya musuh), sehingga berkatalah Rasul dan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya: Bilakah (datangnya) pertolongan Allah?” Ketahuilah sesungguhnya pertolongan Allah itu dekat (asalkan kamu bersabar dan berpegang teguh kepada agama Allah).” (al-Quran. al-Baqarah: 214)

Merujuk kepada pemahaman ayat ini, terdapat kolerasi hubungan dengan ayat sebelum iaitu 212 dan 213 yang menjelaskan perintah Allah S.W.T kepada orang-orang beriman agar masuk Islam secara keseluruhan dan mengambil Islam secara sempurna tanpa mencampurkan dengan agama yang lain. Berdasarkan kolerasi tersebut, Allah S.W.T menjelaskan bahawa pentingnya rasul kepada manusia kerana petunjuk para rasul akan membawa manusia dekat dengan sang pencipta dan orang beriman kepada dakwah para nabi terkadang mengalami cubaan dan kesusahan. Oleh kerana itu mereka perlu bersabar sehingga Allah memberikan kepada mereka jalan keluar atau pertolongan. Kekuatan orang kafir hanyalah berasaskan kepada kecintaan kepada dunia semata-mata. (al-Zuhayli, 2014).

Penjelasan ayat di atas merujuk kepada konteks situasi yang ditunjukkan seperti dalam rajah berikut:



Rajah 5: Peringkat konteks situasi ayat “Mereka telah ditimpa kepapaan dan serangan penyakit, serta digoncangkan...”

Rajah 5 menunjukkan peringkat konteks situasi ayat “Mereka telah ditimpa kepapaan dan serangan penyakit, serta digoncangkan...” dengan penggunaan lafaz *zalzalah* bagi menggambarkan satu fenomena goncangan iaitu didatangkan dengan pelbagai ujian dan cobaan kepada mereka. Dari konteks bidang kajian, lafaz *zalzalah* merupakan nama kiamat yang mempunyai maksud yang khusus iaitu berkaitan gempa bumi hari kiamat. Walau bagaimanapun, dalam ayat *zalzalah* ini tidak merujuk kepada gempa bumi hari kiamat, tetapi merujuk kepada goncangan kepada hati orang-orang beriman disebabkan pelbagai ujian dan cobaan yang diterima. Dalam hal ini, penglibatan ayat ini menjurus kepada arahan Allah S.W.T (j) kepada semua orang beriman (k) kerana Islam tidak hadir dengan ibadah semata tanpa ada ujian dan cobaan yang akan memperkukuhkan ketakwaan dan keimanan mereka (l) daripada merasai situasi tersebut.

Dari sudut gaya bahasa pula, terdapat pendekatan *ma’ani* dalam bentuk *khobar ibtidā’iy* yang berfungsi menjelaskan ayat tanpa keraguan dengan menfokuskan tujuan *khobar* kepada bentuk peringatan khusus kepada orang-orang beriman. Penggunaan *fi’il māḍī mabnī lil majhūl* pula adalah bersesuaian dengan kefahaman hari kiamat yang berfungsi menyembunyikan *fi’il* untuk memperkukuhkan maksud situasi, kondisi ujian kepada orang beriman berdasarkan tahap ketakwaan dan keimanan mereka kepada Allah S.W.T.

Dari sudut makna *nahu*, lafaz *zalzalah* yang melatari ayat ini didahului dengan partikel ‘*am hasibtum* yang berfungsi sebagai *istifham inkārī*, dan kata ‘*ām* di sini berstatus *munqati’ah* dengan makna *bal ahasibtum*. Pada penghujung ayat ini, terdapat empat *taukīd* iaitu *alā* yang merupakan *adātul istifhām* (Kata pembuka kalimat), dan *innā*, *jumlah ismiyyah* dan *idāfah* “kemenangan” kepada Allah yang berkuasa atas segala sesuatu.

Terminologi Gegaran; Contoh 4


Allah S.W.T berfirman:

﴿ هُنَالِكَ ابْتُلِيَ الْمُؤْمِنُونَ وَزُلْزِلُوا زِلْزَالًا شَدِيدًا ﴾

Maksudnya: “Pada saat itulah diuji orang-orang yang beriman, dan digoncangkan perasaan dan pendiriannya dengan goncangan yang amat dahsyat.” (al-Quran. al-Ahzab: 11)

Merujuk kepada pemahaman ayat ini, terdapat kolerasi hubungan antara ayat 11 dan ayat sebelumnya iaitu 9 dan 10. Kisah yang menjadi sebab penurunan ayat 9 ini berpunca daripada orang-orang munafik yang secara diam-diam menyelinap pulang dari medan pada malam peperangan al-Ahzab. Pada saat itu, Allah S.W.T menguji orang-orang Mukmin sehingga menjelaskan siapa yang benar-benar beriman dan siap di antara mereka munafik. Mereka juga mengalami kegoncangan yang hebat disebabkan gusarnya dengan ancaman musuh. Bagi mereka yang kekal bertenang, teguh, maka mereka itulah orang-orang Mukmin sejati. (al-Zuhaylī, 2014).

Penjelasan ayat di atas adalah merujuk kepada konteks situasi yang ditunjukkan seperti dalam rajah berikut:



Rajah 6: Peringkat konteks situasi ayat “Pada saat itulah diuji orang-orang yang beriman, dan digoncangkan perasaan dan pendiriannya dengan guncangan yang amat dahsyat”

Rajah 6 menunjukkan peringkat konteks situasi ayat “Pada saat itulah diuji orang-orang yang beriman, dan digoncangkan perasaan dan pendiriannya dengan guncangan yang amat dahsyat” dengan penggunaan lafaz *zalzalah* bagi menggambarkan satu fenomena goncangan iaitu didatangkan dengan pelbagai ujian dan cobaan kepada orang-orang Mukmin. Dari konteks bidang kajian, lafaz *zalzalah* merupakan nama kiamat yang mempunyai maksud yang khusus iaitu berkaitan gempa bumi hari kiamat. Walau bagaimanapun, dalam ayat ini *zalzalah* tidak merujuk kepada gempa hari kiamat, tetapi merujuk kepada goncangan kepada hati orang-orang beriman disebabkan pelbagai ujian dan cobaan yang diterima. Berupa ketakutan, gerun dan gemuruh yang luar biasa. Dalam hal ini, penglibatan ayat ini menjurus kepada arahan Allah S.W.T (j) kepada semua orang Mukmin (k) kerana sesiapa yang teguh dan tenang menghadapi ujian, merekalah Mukmin sejati (l) yang merasai situasi tersebut.

Dari sudut gaya bahasa pula, terdapat pendekatan *ma’ani* dalam bentuk *khabar ibtidā’iy* yang berfungsi menjelaskan ayat tanpa keraguan dengan menfokuskan tujuan *khabar* kepada bentuk peringatan khusus kepada orang-orang Mukmin di medan al-Ahzab. Penggunaan *fi’il māḍī mabnī lil majhūl* pula adalah bersesuaian dengan kefahaman tentang kekusaran dan ketakutan yang luar dari kebiasaan yang berfungsi menyembunyikan *fi’il* untuk memperkukuhkan maksud ujian dan cobaan yang tiada diketahui oleh umum kecuali Allah S.W.T

Dari sudut makna nahu, lafaz *zalzalah* yang melatari ayat ini didahului dengan partikel *huna* yang berfungsi sebagai *isim isyarat* yang merujuk kepada sekumpulan orang Mukmin di medan al-Ahzab. Lafaz *zalzalah* didatangkan dalam bentuk *fi’il mabni lil majhūl* yang merujuk kepada satu bentuk goncangan hati orang Mukmin yang tidak dapat dipastikan kondisi dan situasinya. Pada penghujung ayat ini, dimasukkan sekali lagi lafaz *zalzalah* dalam bentuk *maf’ūl mutlaq* yang berfungsi memperkukuhkan maksud goncangan hati dengan goncangan yang luar biasa yang tiada pernah berlaku sebelum ini.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua terminologi gegaran (*zalzalah*) menggunakan *uslub khabarī* yang merujuk kepada dua konteks utama iaitu gegaran yang merujuk kepada gempa bumi dan gegaran yang merujuk kepada hati-hati orang Mukmin apabila diuji oleh Allah S.W.T. Imam Ibn Kathīr (1999) menjelaskan, gempa bumi ialah salah satu tanda daripada tanda-tanda kiamat. Ayat al-Zalzalah khususnya menjelaskan keadaan yang akan terjadi pada hari kiamat. Imam al-Ṭabarī (2000) apabila menafsirkan ayat ini menjelaskan bahawa yang merujuk kepada gempa bumi ialah satu bentuk bencana alam yang akan berlaku pada hari kiamat. Dalam satu riwayat oleh Ibn Abī Hatim (1999), situasi kiamat yang akan berlaku dimulai dengan tiupan sangkakala oleh malaikat kemudian berlaku situasi bumi dan gunung ganang diangkat dihancurkan seleburnya. Situasi yang ngeri ini membawa kepada pandangan Imam Mawardi (1992) dalam menghuraikan ayat ini bahawa al-Zalzalah ialah satu surah yang memberi ancaman kepada orang kafir yang tidak mahu beriman kepada hari kiamat. Dalam masa yang sama konsep gegaran ini merujuk kepada motivasi dalam meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah S.W.T dengan melaksanakan segala perintah Allah dan meninggalkan larangannya.

Imam al-Zamakhsharī (1987) dalam tafsir *al-Kashshaf* menjelaskan ayat gegaran dalam surah al-Baqarah dan al-Ahzab merujuk kepada getaran permusuhan di antara Muslim dan Kafir Ketika peperangan perang Khandaq. Para pejuang Muslim diuji dengan ujian getaran pada hati mereka sehingga menzahirkan Muslim yang sebenar dan golongan munafik. Ibn 'Ashūr (1984) turut menukulkan perkara yang sama tentang bagaimana orang Mukmin diuji dengan ujian yang cukup besar apabila berhadapan dengan tentera kafir yang lebih ramai pada peperangan itu. Dengan keadaan itu, golongan munafik terus terang meninggalkan medan perang kerana getaran yang terus menerus berlaku di dalam diri mereka.

Penelitian daripada ulamak dalam menghuraikan ayat-ayat gegaran ini membawa kepada 2 *natijah* utama:

1. Gegaran *haqīqī* merujuk kepada gempa bumi yang akan berlaku pada hari kiamat kelak.
2. Gegaran *majāzī* merujuk kepada goncangan hati orang Mukmin kepada perang Khandaq.

PENUTUP

Bagi konteks gegaran yang menggambarkan gempa bumi hari kiamat, tujuan *khabar* yang terdapat pada kedua-dua ayat tersebut (al-Hajj: 1 & al-Zalzalah: 1) merujuk kepada 'peringatan' kepada manusia akhir zaman. Gempa bumi yang digambarkan tersebut adalah berbeza dari gempa bumi yang dilihat pada hari ini. Justeru, kedua-dua ayat ini menjelaskan gempa bumi hari kiamat berlaku apabila pergerakan yang kuat berlaku di bawah permukaan bumi dan pergerakan ini ialah keadaan yang sangat kuat dari gambaran yang diperolehi pada hari ini. Bagi konteks gegaran yang melibatkan getaran kepada hati-hati orang Mukmin. Kedua-dua ayat tersebut menggambarkan bagaimana hati dan jiwa orang Mukmin diuji oleh Allah S.W.T yang tujuannya sangat jelas iaitu ingin membezakan yang manakah Mukmin yang sebenar dan yang manakah munafik. Pada hari ini, ramai orang Mukmin diuji dengan pelbagai ujian yang besar sehingga mereka disisihkan oleh masyarakat apabila membawa perkara yang benar. Justeru itu, untuk menjadi Mukmin yang sebenar, perlu kekuatan dan kebergantungan kepada Allah S.W.T dan dalam masa yang mengikut segala petunjuk dari Baginda Nabi S.A.W sebagai utusan Allah.

Secara keseluruhannya, perkara yang dikaji dalam kajian ini adalah berkaitan pendekatan *uslub khabarī* bagi terminologi gegaran dalam al-Quran yang menumpukan kepada aspek ilmu *ma'ani* dalam *balaghah*. Fokus pengkaji dalam terminologi gegaran menerusi ayat *zalzalah* ini adalah kerana terminologi ini membawa dua gambaran berbeza. Satu gambaran peristiwa masa hadapan dan satu gambaran peristiwa yang telah berlaku dan tepat kepada kehidupan orang beriman pada hari ini. Justeru itu, penulis

mencadangkan agar kajian susulan dapat dijalankan dengan memperkembangkan lagi kajian dalam bidang *balaghah* dan terminologi kiamat yang lain.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) (FRGS/1/2023/SSI10/USIM/02/2).

RUJUKAN

Buku

- 'Abbas, F. H. (1997). *Ilm al-Ma'ani*. Jordan: Dar al-Furqan
- 'Abdul Aziz, 'A. (2009). *Ilm al-Ma'ani*. Bayrut: Dar an-Nahdah al-'Arabiyyah
- 'Abdul Aziz, M. Z. (1997). *Al-Qur'an dan Mesej Kesejahteraan Sejagat*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- 'Abdul Baqī, M. F. (1992). *Al-Mu'jam al-Mufaḥiris Li al-Faz al-Qur'an*. Bayrut: Dār al-Fikr.
- 'Abdul Wahid, S., Mohd, S., A. & Lazim, O. (2016). *Ilmu Balāghah Lengkap (Ma'ani, Bayan dan Badi')*. Selangor: Dār al-Syakir.
- al-Mawardī, A. H. M. (1992). *Tafsīr al-Mawardī*. Bayrut: Dar al-Kutb al-Ilmiyyah.
- al-Najjār, Z. R. (2007). *Tafsīr al-Āyah al-Kauniyyah fi al-Qur'ān al-Karīm*. Kaherah: Maktabah al-Syurūq al-Dawliyyah.
- al-Qurṭubī, M. A. (2004). *At-Tāzkirāt bi Ahwāl Al-Māuti wa Ūmur Al-Akhīrah*. Mamlakatu al-Arabiyyah al-Sa'udiyyah: Maktabah Dār al-Manhaj.
- al-Ṭabarī, M. J. (2000). *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. Muassah al-Risalah.
- al-Zamakhsharī, M. U. (1987). *Al-Kashshaf an Haqa'iq al-Tanzil Wa Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil*. Bayrut: Alam al-Kutub.
- al-Zuhaylī, W. (2014). *Tafsīr al-Munir: Fil 'Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*. Jakarta: Gema Insani
- Ibn 'Āshūr, M. T. (1984). *Al-Tahir wa al-Tanwir*. Tunis: Dar al-Tunisiyyah lil Nashr.
- Ibn Abī Hatim, A. M. (1999). *Tafsīr al-Quran al-Azim li Ibn Abī Hatim*
- Ibn Fāris, A. A. (1994). *Mu'jam Maqāyis al-Lughāh*. Bayrut: Dār al-Fikr.
- Ibn Kathīr I. I. (1988). *Al-Nihayat fi al-Fitan wa al-Malahim*. Bayrūt: Dār al-Jīl.
- Ibn Kathīr, I. I. (1999). *Tafsīr al-Quran al-Azim*. Dar Tabiiyyah lil Nashr wa al-Tauzi'
- Ibn Manẓūr, J. (1994). *Lisan al-Arab*. Bairūt: Dār Lisan al-Arab.
- Ibrahim M., Ahmad H., Hamid'A. Q. (2004). *Al-Mu'jam al-Wasit*. Istanbul: Dār al-Da'wah.
- Kamarul A. J, Noordyna H. (2013), *Al-Qur'an dan Geologi, Hidrologi, Oceanografi dan Astronomi dari Perspektif Islam*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia. 1-19
- Kamarul A. J. (2013). Al-Qur'an Satu Mukjizat yang Menakjubkan. *Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Qur'an*. Skudai, Johor Bharu: Penerbit UTM Press.
- Laysīn, 'A. F. (2009). *Al-Ma'ani fi Dāui Asalib al-Qur'an*. Kaherah: Dār al-Fik al-Arabiyy
- Noriah M. I., Siti F. M. Y., Mohd I. M. H. (2013). *Kajian Kes dalam Noraini Idris. Penyelidikan dalam Pendidikan*. Selangor: Mc Graw Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Othman (2014). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Perak: Penerbit UPSI.
- Qutb, S. (2006). *Masyāhidul al-Qiyāmah fi al-Qur'an*. Kaherah: Dā al-Syurūq.
- Umar, A. M. (2008). *Mu'jam al-Lughāh al-Arabiyyah al-Mu'ashirah*. Cairo: Alam al-Kutb.

Jurnal

- Al-Murashi, W. A. R. (2016). An Introduction to Halliday's Systemic Functional Linguistics. *Journal for the Study of English Linguistics*, 4(1), 70-80.
- Balḥāf, A. F. M. (2012). Min Mazāhir al-Ittiqa' Baina Fikr 'Abd Qahir Fi al-Nazm Wa Ba'd Mabadi' al-Lughāwiyyah Li Madrasah London. *Jurnal Majallah al-Dirasat al-Lughāwiyyah Wa al-Adabiyyah*, (2), 5-38.

- Mhd Ramli, M. F., Othman, M. S & Hajimmaming @ Toklubok, P. (2015). Keserasian Lafaz Gaya Bahasa Jinas dalam Kitab al-Hikam al-'Ata'iyah: Kajian Nilai Estetika. *Issues in Language studies*, 4(2), 1-14. <https://doi.org/10.33736/ils.1648.2015>
- Muhamad H., Sukki M. O., Nik F. M., Zulkifli. (2016). Analisis Penggunaan Isti'arah; Kajian Terhadap Beberapa Hadith Amthal Rasulullah S.A.W. *Issues in Language Studies*. 5(1). 27-43.
- Rifa'in@Mohd Rifain, S., Pa, M. T., & Hamzah, N. H. (2021). Keindahan Penggunaan Uslūb Amr Terhadap Wanita dalam Surah Al-Baqarah. *Issues in Language Studies*, 10(1), 76-92. <https://doi.org/10.33736/ils.2601.2021>.
- Rifa'in@Mohd Rifain, S., Pa, M. T., & Samah, R. (2018). Gaya Bahasa Amr Bagi Konteks Haji Dalam Surah Al-Baqarah. *Gema Online Journal of Language Studies*, 18(2), 235-254. <http://dx.doi.org/10.17576/gema-2018-1802-16>
- Roslan A. R, Md. N. A., Mohd B. A., Nuh I. (2015). I'jāz al-Qur'an: Satu tinjauan Mengenai Pengertian dan Pandangan Ulama. *Jurnal Syariah*, (2), 94-115.
- Wan. Ahmad, W. A., M.Z.A., A. F., Samah, R., Ahmad, H., Mohamed, Y., & Ibrahim, M. (2017). Uslūb Targhib (Motivasi) Dalam Muamalah Hasanah: Analisis Surah Ad-Dhuha Daripada Perspektif Psikologi Dan Retorik. *Journal Of Nusantara Studies (JONUS)*, 2(2), 198-213. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol2iss2pp198-213>

Tesis

- Ikbal, Z. M. (2015). *Analisis Ta'rif dan Tankir dari Perspektif Ilmu Ma'ani dalam Surah al-Ahzāb*. Tesis Ph.D. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohamad H. (2016). *Elemen Bāyan dalam Amthal Rasulullah S.A.W*. Tesis Ph.D Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.